

16 JUL 2000

Mahathir-Mathew

DR MAHATHIR JUMPA KELUARGA MENDIANG MATHEW

KUCHING, 16 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan pertemuan dengan keluarga mendiang Mathew anak Medan, anggota pasukan Gerak Khas yang dibunuh semasa ditawan oleh kumpulan penjenayah yang merompak senjata tentera di Sauk, Perak, minggu lepas.

Dengan ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Perdana Menteri meluangkan masa bersama bapa Mathew, Medan anak Nunjing, 61, dan ibunya Ladun anak Ngumbang, 60, di bangunan Dewan Undangan Negeri sebelum mereka menghadiri majlis jamuan tengah hari pelbagai kaum sempena lawatan rasmi Dr Mahathir ke sini selama tiga hari bermula semalam.

Dr Mahathir memberitahu ibu bapa Mathew bahawa negara amat terhutang budi kepada keluarga itu yang tinggal di Nanga Tada, Kanowit dalam Bahagian Sarikei.

"Pertama negara terhutang budi kerana mereka membenarkan mendiang Mathew menjadi seorang pahlawan negara dan kedua pahlawan ini telah gugur kerana mempertahankan negara dari ancaman musuh," katanya.

Perdana Menteri yang kelihatan terharu berkata tiada usaha yang dapat dilakukan untuk mengembalikan Mathew kepada ibu bapanya tetapi beliau berharap kedua-dua mereka bersabar dan tabah menghadapi keadaan.

Medan pula berkata beliau berharap Dr Mahathir akan memastikan pembunuh anaknya dibalas dengan hukuman yang setimpal mengikut undang-undang.

Beliau juga meminta kepada Perdana Menteri supaya dibenarkan melihat wajah pembunuh anaknya.

Pada akhir pertemuan itu, Dr Mahathir menyampaikan sumbangan peribadinya kepada keluarga mendiang Mathew.

Siti Hasmah selaku Yang Dipertua Bakti turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM5,000. kepada keluarga itu.

Turut menyampaikan derma peribadi ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud. Isterinya Puan Sri Laila Taib menyampaikan sumbangan sebanyak RM5,000 dari Persatuan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri Sarawak (Sabati) dan sebanyak RM7,000 lagi disumbangkan oleh Yayasan Kebudayaan Dayak.

--BERNAMA

mt mai